

16 JUN 2002

Hadi-Bahasa

JANGAN RENDAH BAHASA SENDIRI KETIKA TEKANKAN B.INGGERIS, KATA HADI

KUALA TERENGGANU, 16 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang memberi ingatan bahawa penekanan terhadap pembelajaran bahasa Inggeris kini janganlah sehingga bahasa Malaysia diketepikan.

Beliau berkata tidak dinafikan bahawa penguasaan dalam banyak bahasa adalah penting sekiranya seseorang itu ingin maju dan berpengetahuan, tetapi jangan sampai meninggalkan bahasa bangsa itu sendiri.

"Kita perlu meningkatkan pengetahuan dalam bahasa Inggeris...itu tidak dinafikan, tapi janganlah kita merendahkan bahasa kita sendiri," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini, hari ini.

Abdul Hadi berkata penekanan kepada bahasa Inggeris semata-mata, terutama dengan cadangan pelaksanaan mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa itu di sekolah rendah dan menengah, boleh menjadi satu usaha meneruskan penjajahan bahasa dan budaya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata bahawa kerajaan akan melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah secara serentak mulai tahun depan.

Abdul Hadi yang juga Timbalan Presiden PAS berkata masyarakat perlu sedar bahawa ilmu sains dan teknologi dimulakan oleh Islam dan sehingga kini masih terdapat istilah Islam dalam dua bidang itu.

Beliau menegaskan bahawa banyak bangsa dan negara boleh maju walaupun bangsanya tidak meninggalkan bahasa mereka sendiri dan sebagai contoh bangsa Jepun yang kalah teruk dalam perang dunia kedua mampu bangkit semula sebagai kuasa besar ekonomi dan teknologi.

"Mereka menghantar pelajar mereka mendalami bahasa Inggeris, dan dalam masa yang sama mereka terus mengekalkan bahasa mereka sebagai bahasa ilmu.

"Dan kita lihat pemimpin negara dunia menunjukkan keperibadian mereka yang tinggi terhadap bahasa...contohnya dalam pertandingan Bola sepak Piala Dunia, ketika perasmian, Presiden Korea dan Perdana Menteri Jepun menggunakan bahasa masing-masing padahal saya rasa mereka boleh menguasai bahasa Inggeris," katanya.

-- BERNAMA

SN RON